

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 NOVEMBER 2016

Najib ucap takziah kepada rakyat NZ

BH - 15/11/2016

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengucapkan takziah kepada rakyat New Zealand terutama kepada mangsa gempa bumi kuat yang menggegarkan tengah negara itu pada jam 7.02 malam kelmarin (waktu Malaysia).

Perdana Menteri berkata, berikutan gempa bumi kuat itu, amaran tsunami dikeluarkan, namun sehingga kini tiada sebarang laporan mengenai kema-

langan jiwa membabitkan rakyat Malaysia.

“Bagaimanapun Kementerian Luar akan terus memantau perkembangan itu dengan lebih dekat. Semua pihak dinasihatkan berwaspada dan menghubungi Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Wellington di talian +64-4-3852439 atau +64210440188 jika memerlukan bantuan atau untuk mendapatkan maklumat lanjut,” katanya menerusi entri terbaru di

Facebook rasminya, semalam.

Keluar amaran

Gempa bumi sekuat 7.4 magnitud menggegarkan tengah New Zealand sejurus selepas tengah malam kelmarin (waktu tempatan) dan mencetuskan tsunami melanda pesisir pantai timur laut Pulau Selatan.

Jabatan Pertahanan Awam New Zealand mengeluarkan amaran kepada penduduk di seluruh kawa-

san pantai timur dan menggesa mereka mencari tempat lebih tinggi demi keselamatan.

Gempa bumi itu dikatakan berpusat kira-kira 91 kilometer ke utara-timur laut Christchurch, bandar terbesar di Pulau Selatan New Zealand.

Gempa bumi berukuran 6.3 magnitud pada Februari 2011 mengorbankan 185 nyawa dan menyebabkan kerosakan besar di bandar itu.



Kementerian Luar akan terus memantau perkembangan itu dengan lebih dekat. Semua pihak dinasihatkan berwaspada”

Najib Razak,
Perdana Menteri